

NO SOALAN :15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.10.2016

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah rizab negara yang terkini dan pecahan rizab negara sama ada dalam bentuk wang fizikal atau pun emas dan sebagainya serta lokasi rizab tersebut sama ada di pasaran kewangan tempatan atau antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan rizab antarabangsa negara kekal kukuh dengan mencatat jumlah terkini sebanyak RM405.6 bilion atau USD97.8 bilion pada 14

Oktober 2016. Jumlah ini telah meningkat sebanyak USD2.5 bilion berbanding USD95.3 bilion yang telah dicatat pada akhir tahun 2015. Paras rizab terkini ini mencukupi untuk membiayai 8.5 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

2. Berhubung dengan pecahan rizab antarabangsa, kira-kira 97% daripada rizab antarabangsa negara terdiri daripada pegangan mata wang asing yang sebahagian besarnya adalah dalam bentuk sekuriti dan deposit dalam pasaran kewangan domestik dan antarabangsa. Manakala, baki rizab terdiri daripada pegangan emas dan tuntutan terhadap Tabung Kewangan Antarabangsa.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun kebelakangan ini, institusi perbankan dan syarikat telah memperoleh aset di luar negara berikutan liberalisasi secara progresif dalam peraturan pentadbiran pertukaran asing. Ketersediaan aset luaran ini membolehkan institusi-institusi yang terlibat mampu memenuhi obligasi hutang luar negeri mereka tanpa perlu membuat tuntutan terhadap rizab antarabangsa. Oleh yang demikian, keadaan ini terus mengukuhkan lagi kedudukan dan kestabilan rizab antarabangsa negara.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kedudukan rizab yang stabil ini telah mengukuhkan daya tahan ekonomi negara dan seterusnya mampu berhadapan dengan cabaran

ekonomi dunia yang tidak menentu. Dalam pada itu, Kerajaan dan Bank Negara Malaysia akan sentiasa memantau kedudukan rizab antarabangsa dengan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan paras rizab ini kekal mencukupi untuk menjadi penampang bagi memenuhi obligasi luaran.